



KERAJAAN NEGERI KELANTAN
PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI
BILANGAN 10 TAHUN 2002

IMBUHAN TAHUNAN 2002

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerimapakai Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 6 Tahun 2002 kepada Anggota Perkhidmatan Awam Negeri mengenai bayaran imbuhan tahunan 2002.

2. Bersama-sama ini disertakan sesalinan Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 6 Tahun 2002 untuk panduan dan tindakan.

(DATO' HAJI ISMAIL BIN LATIFF)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran)
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN
KOTA DARULNAIM
15503 KOTA BHARU

Bertarikh : 30 Rejab 1423
07 Oktober 2002

[SUK.D.200(01)73/(65)]

Kepada : Semua Ketua Jabatan Negeri

Salinan :
1. Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
2. Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
3. Fail SUK.D.200(01)600/9/Jld. III



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2002

IMBUHAN TAHUNAN 2002

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Imbuan Tahunan kepada anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan bagi tahun 2002.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah membuat keputusan supaya Imbuan Tahunan bagi tahun 2002 dibayar kepada anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan sebagai tanda penghargaan di atas sumbangan dan pengorbanan mereka. Tanpa profesionalisme mereka serta pengurusan pentadbiran yang cekap, negara tidak akan dapat menikmati pertumbuhan ekonomi yang baik. Imbuan Tahunan ini juga bertujuan mengurangkan beban, terutama mereka yang bergaji rendah untuk perbelanjaan hari-hari perayaan dan persekolahan anak-anak. Kadar yang diputuskan adalah sebanyak **satu bulan gaji atau minimum RM1,200.00**.

PELAKSANAAN

3. Syarat-syarat pembayaran Imbuan Tahunan 2002 adalah sama seperti syarat-syarat pembayaran Imbuan Tahunan 2000 yang dijelaskan melalui **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2000 dengan dibuat penyesuaian tahun 2000 kepada tahun 2002**.
4. Bayaran Imbuan Tahunan 2002 dibuat berdasarkan gaji bulan **Oktober 2002**.
5. Anggota yang layak akan dibayar sebanyak **separuh** daripada kadar Imbuan Tahunan 2002 pada bulan **Oktober** dan **separuh** lagi pada bulan **Disember 2002**.

JABATAN YANG MEMBAYAR IMBUHAN TAHUNAN

6. Bagi anggota yang berkhidmat di beberapa Jabatan dalam tahun 2002, pembayaran Imbuhan Tahunan adalah menjadi tanggungan Jabatan di mana anggota ditempatkan pada bulan pembayaran.


TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMAKAIAN

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

28 September 2002

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan